



WEBINAR

CIMS 2021

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA KESATUAN
ULAMA ISLAM SEDUNIA DALAM SOSIO-POLITIK**

المؤتمر للاتحاد العالمي لعلماء المسلمين في السياسة الاجتماعية

“Ulama Penggerak Sosio-politik Ummah”



24 - 25 FEBRUARI 2021

**e-PROSIDING
UCAPTAMA**

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA KESATUAN ULAMA ISLAM
SEDUNIA DALAM SOSIO-POLITIK (CIMS 2021)**

e-Prosiding Ucaptama

**Persidangan Kesatuan Ulama Islam Sedunia
dalam Sosio-Politik (CIMS 2021)**

**24-25 Februari 2021
UKM Bangi, Malaysia**

e-Prosiding Ucaptama
Persidangan Kesatuan Ulama Islam
Sedunia dalam Sosio-Politik
(CIMS 2021)

Penyelenggara:
Haziyah Hussin

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI 2021
<https://www.ukm.my/fpi/>

Cetakan Pertama / First Printing 2021
Hak Cipta / Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2021

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Fakulti Pengajian Islam UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Faculty of Islamic Studies UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
<https://www.ukm.my/fpi/>
Email: cimsukm@gmail.com

Atur huruf oleh / Typeset by
CIMS 2021
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM UKM
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Cataloging-in-Publication Data

Haziyah Hussin. Penyelenggara

E-Prosiding Ucaptama Persidangan Kesatuan Ulama Islam Sedunia dalam Sosio-Politik (CIMS 2021)

ISBN

Kandungan

Prakata ... vi

Hubungan Malaysia dan Timur Tengah dalam Geopolitik Semasa ... 1
YB. Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang

Peranan Badan Dakwah dan NGO dalam Menanam Kesedaran Politik di
Kalangan Masyarakat ...9
Nasrudin Hassan

Peranan Gerakan Islam dalam Pentadbiran Negara ... 18
YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar

Abdul Hadi Awang's Thought on Development on Muslim Community...26
Prof. Madya Dr. Jaffary Awang

دور علماء المسلمين في السياسة الدولية ... 39
الأستاذ أحمد الريسوبي

العلاقة بين ماليزيا والشرق الأوسط والخراطط السياسية وتأثيرها ... 46...
الشيخ عبد الهادي أوانج

Prakata

Segala puji dan syukur yang selayaknya bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Gerakan Islam merupakan suatu usaha yang tersusun bagi membangunkan Islam sebagai suatu cara hidup yang sempurna dari seluruh aspek kehidupan. Oleh itu, ia mestilah bergerak atas dasar dakwah yang merupakan tugas utama para rasul justeru gerakan Islam berperanan dalam menyambung tugas mereka. Selain itu, gerakan dakwah juga sebagai aktiviti ummah secara berorganisasi dan bersistematis bagi mengembalikan Islam dalam kepimpinan masyarakat dan bagi memandu seluruh kehidupan manusia.

Persidangan Antarabangsa Kesatuan Ulama Islam Sedunia dalam Sosiopolitik (CIMS2021) adalah sebahagian agenda daripada projek penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkaitan dengan “Fiqh siyasah Tuan Guru Dato’ Seri Haji Abdul Awang” (PP-2019-010). Kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan perspektif Islam terhadap politik dan dakwah berdasarkan keterlibatan ulama dalam gerakan Islam, lalu kajian ini menemukan suatu jaringan dan sinergi yang utuh wujud antara gerakan Islam di Malaysia dan gerakan-gerakan Islam di negara-negara lain, meskipun dalam dimensi tertentu wujud beberapa perbezaan disebabkan faktor sosio politik dan realiti negara masing-masing. Sehubungan dengan itu, CIMS2021 dicetuskan sebagai platform untuk mengetengahkan idea, pemikiran, pengalaman dan sudut pandang aktivitis-aktivis dakwah dan gerakan Islam dari pelbagai negara, ahli politik, ahli akademik serta para penyelidik tentang tema persidangan ini, iaitu “Ulama Penggerak Sosio-Politik Ummah”.

E-Prosing Ucaptama ini menmuatkan sebahagian daripada kertas kerja yang disediakan oleh pengucaptama. Selain daripada itu pembentangan ucaptama juga dilakukan oleh:

Dr. H. Salim Segaf Al-Jufri, Ketua Majelis Syura, Parti Keadilan Sejahtera Indonesia- “Peranan Gerakan Islam dalam Politik Asia Tenggara”.

Temel Karamollaoglu, Ketua Parti Saadat, Turki- “Politik Hubungan Antarabangsa Malaysia-Turki”.

Prof. Dr. Kamal Helbawy, ahli Muslim Council of Britain - “Politik Muslim di Barat”.

Penganjur bersama persidangan ini ialah Fakulti Pengajian Islam UKM, Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). CIMS2021 merupakan antara aktiviti yang digariskan dalam rangka kerjasama strategik antara Fakulti Pengajian Islam dengan TSIS dan YADIM yang ditemeterai melalui Perjanjian Persefahaman (*Memorandum of Understanding-MoU*).

Persidangan ini diharapkan agar dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat bagi memahami konsep politik dalam Islam, keterlibatan ulama dalam politik dan kenegaraan di samping menelaah pendekatan fiqh siyasi. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan persidangan CIMS2021.

Salam Hormat

Penyelenggara,
Haziyah Hussin

Hubungan Malaysia dan Timur Tengah dalam Geopolitik Semasa

YB. Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang
Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS)
Duta Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah

Pendahuluan

Hubungan bersejarah antara wilayah Nusantara secara umum dan Malaysia secara khusus dengan Timur Tengah atau Asia Barat dalam konteks hubungan tamadun, sudah berlaku sejak awal kedatangan Islam lagi. Timur Tengah itu meliputi seluruh wilayah Arab di Asia Barat, sebahagian kawasan di Asia Tengah (Azerbaijan, Iran dan Afghanistan) dan sebahagian utara Afrika (Mesir, Sudan, Libya dan Tunisia) terbentuk sejak zaman keemasan Tamadun Islam. Berlangsung pada zaman terakhir Islam mempunyai kuasa besar, iaitu ketika bangsa Turki memimpin kerajaan ‘Uthmaniyyah yang mengambil alih kepimpinan *Khilafah Islamiyyah*. Maka yang dimaksudkan dengan Timur Tengah dalam hubungan diplomatik Malaysia adalah negara-negara yang termasuk dalam jangkauan tersebut, bukan sekadar wilayah Arab sahaja.

Hubungan sejarahnya mencipta kerajaan Islam di rantau ini, merangkumi naungan kuasa besar Islam pada masa itu. Kedatangan Islam pula bersifat menyeluruh dan berkonsepkan negara kerana berjaya mengIslamkan rakyat bersama raja-raja.

Bagi Malaysia secara khususnya, hampir keseluruhan masyarakat Melayu adalah beragama Islam. Mereka mendominasi penduduk masyarakat majmuk sejak awal, sebelum ketibaan kaum pendatang yang dibawa oleh penjajah British khususnya. Walaupun kewujudan kaum telah berlaku sebelum itu secara kecil-kecilan, tetapi kedatangan awalnya itu bersama dengan hubungan Islam yang bertaut di antara wilayah, telah menyatukan mereka menjadi satu bangsa dan satu kaum bersama Islam. Melaka salah satu kerajaan kesultanan Islam yang lebih tepat diambil daripada perkataan *Malaqa*, negara bandar metropolitan. *Malqa* yang bermaksud tempat pertemuan pelbagai bangsa yang datang berdagang.

Malaysia dibentuk hasil pembahagian wilayah dalam kalangan penjajah Barat seperti *Sykes-Picot Agreement* yang membahagikan Timur Tengah kepada kalangan kuasa penjajah, dengan perjanjian pembahagian wilayah antara British dan penjajah yang lain. Bermula dengan Perjanjian

Pangkor 1874 secara khusus, kemudian diikuti dengan Perjanjian Bangkok dan London pada tahun 1909 yang membelah bahagikan negeri-negeri dalam kalangan penjajah yang datang.

Maka penentangan terhadap penjajah di Malaysia adalah bertalian dengan pergerakan menentangnya di Timur Tengah dalam menghadapi Perang Salib. Pada masa yang sama, ia turut disertakan dengan pergerakan dakwah, pengajian dan jihad yang mencabar penjajah menghadapi gerakan Kristian dan pembaratan budaya. Gerakan dakwah dan perdagangan pula tidak putus, walaupun ada agenda pemecahan dan pemisahan oleh penjajah di samping ibadat haji yang tidak boleh disekat bagi menjalinkan hubungan dalam kalangan umat Islam.

Seorang tokoh orientalis pernah menegaskan bahawa tiga perkara yang menggagalkan mereka menentang umat Islam, iaitu al-Quran yang dipelihara, pelaksanaan ibadat haji dan solat Jumaat yang berterusan. Seluruh umat Islam menjalinkan hubungan ukhuwah iman kepada rukun yang sama dan beribadat ke arah kiblat yang sama.

Maka perjuangan menentang penjajah di Malaysia bukanlah baru bermula pada tahun 1946 ketika penubuhan Malayan Union, tetapi sebenarnya ia telah bermula sejak kejatuhan Melaka tahun 1511. Sehinggalah penubuhan jemaah Islam, diikuti penubuhan Parti Sarekat Islam pada awal abad yang lalu, hasil kesinambungan hubungan para ulama lepasan halaqah ilmu di Makkah, al-Azhar dan India dan para pedagang yang bertali arus. Di samping itu, ia mendapat pengaruh gerakan Islah dan tajdid di Timur Tengah yang mempengaruhi rantau ini.

Peristiwa Dahagi 1915 di Singapura, berlakunya penentangan askar Melayu dan India Muslim kerana keengganannya mereka dikerahkan bagi menentang Turki ‘Uthmaniyyah, menandakan jalinan hubungan awal antara Malaysia-Timur Tengah yang tidak boleh diputuskan. Pemilihan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, mantan Perdana Menteri Malaysia yang pertama menjadi Setiausaha Agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang pertama, selepas badan itu ditubuhkan ketika berlakunya pembakaran Masjid al-Aqsa oleh Yahudi pada tahun 1960-an adalah sinonim dengan hubungan Malaysia dengan politik dunia Islam khususnya Timur Tengah.

Malaysia adalah antara negara yang tidak mengiktiraf negara haram Israel dan tidak terpengaruh melaksanakan agenda normalisasi dengan Israel. Langkah Malaysia menolak program normalisasi terhadap negara haram Israel dan melarang visa Israel diletakkan dalam pasportnya kerana hubungan dengan perjuangan Palestin walaupun negaranya dirampas. Bermakna prinsip negara Malaysia adalah bersama Palestin. Oleh itu, Malaysia juga terpanggil dengan setiap krisis yang berlaku di Timur Tengah.

Kiblat Umat Islam

Timur Tengah merupakan tempat letaknya kiblat pertama umat Islam di Baitul Maqdis, bumi para anbiya'. Manakala Makkah pula menjadi pilihan kiblat akhir zaman, tempat kelahiran Rasul terakhir kepada seluruh manusia. Pada zaman itulah berlaku kemuncak kepada tamadun ilmu yang bersumberkan daripada mukjizat al-Quran yang memberi hidayah. Petunjuk ini menjelaskan peranan manusia diciptakan oleh Allah SWT untuk beribadat, berkhilafah dan memegang amanah bagi menegakkan petunjuk Allah SWT.

Kota Makkah adalah tempat pertemuan antara Timur dan Barat, sebagaimana firman Allah SWT:

لَا يَلْفِ فَرِيشٍ . لَا فِيهِمْ رُحْلَةٌ لِّ الشَّتَاءِ وَالصَّيْنِ . فَلَيَبْدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ . لِلَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِّنْ جُوعٍ
وَأَمْنَهُمْ مِّنْ خَوْفٍ

Kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy (penduduk Makkah) (1). (laitu) kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman), dan pada musim panas (ke negeri Syam) (2). Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah (Kaabah) ini (3). Tuhan yang memberikan mereka penghidupan iaitu menyelamatkan mereka daripada kelaparan, dan mengamankan mereka daripada ketakutan (4). (Surah Quraisy: 1-4)

Musafir pada musim sejuk ke Yaman telah menghubungkan Makkah dengan Asia Timur, manakala musafir pada musim panas ke Syam pula menghubungkan Makkah dengan Barat sehingga Utara Afrika.

Lapangan Krisis

Kedudukan geografi Timur Tengah adalah penghubung tiga benua yang menjadi tumpuan manusia sejak awal dahulu lagi. Maka, ia menjadi tempat tamadun awal Islam dibina bagi menghadapi jahiliah yang sentiasa bertembung. Pada masa yang sama, ia menjadi medan pertembungan sejak zaman dahulu dan medan dua Perang Dunia pada abad yang lalu. Seterusnya Timur Tengah menjadi medan pertembungan sejak Perang Dingin sehingga hari ini, mencetuskan perang proksi yang sedang bergolak kerana dikhadamkan oleh kuasa asing.

Malaysia pula terletak di Timur dunia Islam. Peranan Selat Melaka sebagai laluan hubungan laut antara negara Timur Jauh dengan Timur Tengah, juga menjadi medan rebutan dan pertembungan kuasa besar sejak zaman penjajah dan ketika dua Perang Dunia serta era Perang Dingin.

Maka setiap perkembangan terkini di Timur Tengah tetap memberikan kesan kepada Malaysia dalam pelbagai aspek. Khususnya dalam aspek persaudaraan Islam yang disifatkan oleh sabda Rasulullah SAW:

مَثُلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحِمُهُمْ وَتَعَاوُفُهُمْ، مَثُلُ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عَضُوٌّ، تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى

Bandingan hubungan persaudaraan dalam kalangan orang-orang yang beriman itu dari segi kasih sayang, bersimpati dalam kalangan mereka laksana hubungan anggota dalam satu jasad. Apabila satu anggotanya mengadu kesakitan maka seluruh jasad merasanya sehingga berjaga dan demam. (Riwayat Muslim 2586)

Hubungan iman merentasi sempadan geografi, perkauman dan mazhab walaupun ia pernah dijadikan bahan letusan yang pernah memecah-belahan umat Islam dan faktor kejatuhan Khilafah ‘Uthmaniyyah pada awal abad yang lalu.

Peristiwa pembakaran Masjid al-Aqsa menandakan hubungan yang diputuskan pada zaman penjajah itu gagal memisahkan sejahl-jahil umat Islam. Perkara ini menandakan hidupnya kemanisan iman dalam diri umat Islam sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SAW:

ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ بَنَ حَلَوَةَ الإِيمَانِ: مَنْ كَانَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سَوَاهُمَا، وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرءَ لَا يُحِبُّ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنْ يَكْرِهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ بَعْدَ أَنْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ مِنْهُ، كَمَا يَكْرِهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ.

Sesiapa yang ada dalam dirinya tiga perkara, nescaya dia masih mempunyai kemanisan iman, iaitu Allah dan Rasul lebih dikesihai daripada yang lain. Kasihnya kepada seorang sahabat kerana Allah. Benci menjadi kufur (murtad) setelah diselamatkan oleh Allah daripadanya, laksana tidak mahu dicampak ke dalam neraka. (Riwayat al-Bukhari 16 dan Muslim 43)

Maka setiap Muslim itu tidak boleh ditakfirkan dengan mudah dan sesuka hati disebabkan kejihilannya.

Kemerdekaan yang Dirancang

Evelyn Baring (Lord Cromer) ialah seorang orientalis yang pernah bertugas di India, kemudian di Mesir merupakan perancang kepada gerakan *taghrib* (pembaratan) yang dilaksanakan setelah gagal memurtadkan umat Islam supaya menganuti agama penjajah iaitu agama Kristian.

Seterusnya penentangan terhadap penjajah yang bercirikan Islam

diubah kepada pendekatan sekularisme yang memisahkan roh Islam dalam perjuangannya. Ini penting supaya diwarisi kemerdekaan yang menghalang negara kembali semula kepada negara Islam yang asal, bagi mengembalikan Islam memimpin dunia. Maka kemerdekaan yang dicapai oleh semua negara Islam, bermula daripada Nusantara sehingga Timur Tengah telah dirancang untuk diambil alih daripada perjuangan asal yang bercirikan Islam kepada kemerdekaan yang dirancang tanpa Islam berdaulat.

Kemudian tanah air Islam yang bersatu bersama Islam dipecahkan kepada geopolitik mengikut pecahan pengaruh penjajah di negeri masing-masing dan meminggirkan kumpulan Islam yang pada awalnya berjihad menentang penjajah. Seterusnya semangat nasionalisme sekular dihidupkan yang memecahkan umat mengikut peta yang diatur dan dirancang.

Negara umat Islam dibahagikan mengikut era Perang Dingin berdasarkan blok Timur dan Barat dengan menerapkan ideologi nasionalisme sekular atau Islam sekular mengikut pecahan mazhab. Tindakan tersebut penting bagi meneruskan agenda perpecahan umat Islam dan anutan ideologi yang berbeza dalam era Perang Dingin. Berlakunya konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia ketika penubuhan Malaysia dahulu adalah perpecahan yang disebabkan oleh agenda pembahagian blok Perang Dingin. Negara Arab juga berkonfrontasi sesama sendiri mengikut blok tersebut.

Era Kebangkitan Semula Islam

Selepas kegagalan komunisme dan sosialisme yang menghancurkan blok Komunis dan Sosialis, blok Barat pula menunjukkan tanda merudumnya. Pada masa inilah berlaku kebangkitan semula Islam yang dianggap menjadi pencabar kepada sistem liberal kapitalisme yang melakukan perubahan selepas tamatnya Perang Dingin. Dengan anggapan dan usaha bagi mengekalkan kuasa tunggal liberal kapitalisme dengan slogan *New World Order* (orde baru dunia) dan peta baharu Timur Tengah, kita menyaksikan perancangan mereka bagi menggagalkan sebarang usaha untuk kembali semula kepada Islam.

Maka semua langkah yang memajukan umat Islam atau menyatakan mereka ditentang, tanpa mengira ideologi yang dianuti, nasionalisme dan mazhab. Contohnya, melalui operasi ketenteraan seperti perang di Afghanistan dan Perang Teluk, rampasan kuasa tentera bagi menukar kerajaan melalui tentera atau proses demokrasi yang dirancang bagi menghalang kemenangan Islam. Selain itu, pelaksanaan agenda *Rand Cooperation* yang menyusup masuk ke dalam *Harakah Islamiyyah* bagi

melemahkannya atau mengalah hala tujunya agar terpesong daripada Islam yang sebenar, sama ada dengan mengalahkan Islam atau mensekularkan Islam.

Kemenangan parti Islam di mana-mana sahaja akan dijatuhkan dengan apa cara sekalipun, seperti pembatalan kemenangan pilihan raya perbandaran di Algeria, rampasan kuasa tentera di Mesir, Turki dan lain-lain. Revolusi Islam yang berlaku di Iran pula dibesar-besarkan Mazhab Syiah yang dianuti oleh mereka, kemudian dilakukan kepungan melalui politik, ekonomi, media dan ketenteraan. Adapun perubahan kepada Islam di Turki pula dilabel dengan bahaya penjajahan ‘Uthmaniyyah.

Usaha kesatuan umat melalui OIC hampir dibekukan, bahkan usaha bagi menubuhkan gabungan negara Islam D8 juga digagalkan dan D4 (Malaysia, Turki, Iran dan Qatar) paling mutakhir juga hampir dilupakan.

Sebelum itu, dilaksanakan perancangan di sebalik reformasi di Indonesia, Arab Spring di Timur Tengah dan Gerakan BERSIH di Malaysia. PAS dapat mengesan langkah ini ketika bersama Pakatan Rakyat (PR) dan silap dijemput menjadi tetamu perbincangan di Kedutaan Amerika. Lalu PAS mengambil keputusan untuk memberhentikan BERSIH dan keluar daripada PR.

Pendekatan secara ekstrem yang berlaku di negara Timur Tengah bertukar kepada perang saudara, sekali gus menjadi proksi kepada kuasa besar yang mengambil tempat bagi melaksanakan penjajahan baru.

Krisis Terkini

Maka krisis yang belum selesai di Timur Tengah tetap mempunyai kaitan dengan mata rantai perancangan yang disebutkan di atas. Setelah Timur Tengah ‘dibelasah’ dengan Arab Spring yang mentah hasilnya sehingga kini. Maka dicetuskan perang proksi dalam kalangan negara yang dahulunya dibahagikan mengikut lakaran peta Sykes-Picot kepada lakaran peta baharu Timur Tengah, mengikut pecahan baharu yang dirancang. Akan tetapi terus gagal dengan krisis yang berlaku di negara Barat sendiri.

Pecahan yang dirancang di Timur Tengah mengikut pecahan etnik, sistem politik, agama dan mazhab sangat mempengaruhi pergolakan di Timur Tengah. Perancangan itu telah berjaya memecahkan Iraq kepada wilayah Sunni dan Syiah, dan pecahan mengikut bangsa Arab, Kurdi dan Turkuman. Hari ini masih berlangsung usaha untuk memecahkan Syria dan Yaman. Namun, sekurang-kurangnya agenda tersebut adalah untuk menyelamatkan negara haram Israel yang menjadi pengkalan terpenting bagi terus menguasai Timur Tengah, sama ada dari segi mendapatkan bekalan sumber tenaga yang masih penting (petroleum dan gas) atau dari

segi laluan penting Terusan Suez, Selat Hormuz, Istanbul dan Gibraltar. Maka, Malaysia yang berada di Selat Melaka dan Laut China Selatan juga ada peranannya yang tersendiri.

Maka tempias krisis ini juga akan mempengaruhi politik di Malaysia. Usaha pengambilalihan kerajaan daripada Pakatan Harapan (PH), gabungan yang didominasi oleh kalangan bukan Islam dan Islam liberal adalah sekadar ubat penahan sakit, sementara dilakukan rawatan selanjutnya. Tujuannya ialah untuk mengembalikan semula Islam sebagai penyelesaian dengan mengumpulkan umat Islam yang insaf serta menggabungkan kalangan bukan Islam yang tidak ekstrem ke arah merealisasikan masyarakat majmuk yang madani.

Pendekatan yang diambil adalah secara *muwajahah silmiyyah* melalui demokrasi berparlimen dan menolak cara yang ekstrem dengan mencegah campur tangan asing dalam perang proksi sepetimana yang berlaku di Timur Tengah. Malaysia juga tidak berpihak dalam krisis antara negara sahabat di Timur Tengah, tetapi lebih mengharapkan usaha penyelesaian dan menjaga perpaduannya. Maka pengaruh gerakan Arab Spring di Malaysia yang cuba dilakukan tidak mendapat sambutan.

Usaha Penyatuan Ummah

Penyelesaian Islam hendaklah menjadi pilihan setelah gagalnya ideologi ciptaan manusia yang diimport, khususnya di Timur Tengah yang dahulunya berpecah belah mengikut ideologi blok Perang Dingin. Bagi umat Islam, kembali kepada Islam adalah satu kewajipan. Adalah berdosa membiarkan semua musuh pelbagai agama, bersatu menentang Islam tanpa mengira perbezaan agama sesama mereka dalam persekutuan Ahzab menghadapi Islam.

الْكُفَّارُ مِلَّةٌ وَاحِدَةٌ .

Kekufuran itu ialah satu agama yang sama.

Tiba-tiba umat Islam berpecah kerana faktor kebangsaan yang berlainan, pecahan geografi dan geopolitik yang dirancang oleh musuh dan perbezaan mazhab yang dijadikan seperti perbezaan agama.

Adalah satu kebebalan apabila krisis Timur Tengah bagi menyelesaikan isu Palestin itu berimamkan kepada bekas penjajah. Begitu juga apabila berlaku krisis Teluk, musuh pula yang dijemput bukannya hendak berdamai dengan negara sahabat seagama dan berjiran tetangga. Kawan dijadikan musuh, musuh pula dijadikan kawan.

Bagi bukan Islam yang hidup dalam masyarakat majmuk pula perlu diberikan kepercayaan, setelah selama ini mereka berjuang bersama

ideologi asing dan menerimanya. Walaupun asing daripada mereka, kenapa mereka tidak boleh menerima penyelesaian Islam tanpa dipaksa menganut Islam?

Perpaduan berkonsepkan Islam pernah menciptakan sejarah keadaulatan Islam, kemudiannya menciptakan *Hadharah Islamiyyah* yang memimpin dunia dan menyambung risalah Islam ke seluruh penjuru dunia.

Peranan Badan Dakwah dan NGO dalam Menanam Kesedaran Politik di Kalangan Masyarakat

Nasrudin Hassan
Yang Dipertua
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

Pendahuluan

Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang maju membangun dan mempunyai masyarakat yang berbilang kaum. Selain itu, Malaysia juga menjadi antara negara yang dicontohi daripada negara-negara Islam dan bukan Islam diseluruh dunia. Ini bermakna kerjasama yang erat hendaklah wujud dalam penyertaan masyarakat terutamanya yang diwakili oleh Badan Dakwah atau Institusi Agama dan Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan NGO. Oleh yang demikian, Kerjasama daripada semua pihak terutamanya NGO Islam sangat berperanan penting bagi menanam kesedaran politik dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Definisi NGO

Istilah Badan Bukan Kerajaan NGO (*Non-governmental Organization*) digunakan sejak tertubuhnya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu PBB pada tahun 1945 yang termaktub dalam Piagam PBB Fasal 71 Bab 10 tentang peranan konsultif *non-governmental Organization*. Ia digunakan untuk membezakan antara hak penyertaan badan-badan pemerintah (*intergovernmental agencies*) dan organisasi-organisasi swasta internasional (*International Private Organizations*). Menurut Bank Dunia, NGO didefinisikan sebagai organisasi swasta yang menjalankan kegiatan untuk meringankan penderitaan, jurang kemiskinan, menyediakan khidmat sosial atau melakukan kegiatan pembangunan masyarakat (Saliha Hassan 1991).

Ahmad Nidzamuddin & Wan Idros (2009) menyatakan, dalam *Kamus Sains Politik Pentadbiran Awam* bahawa NGO ditakrifkan sebagai organisasi yang ditubuhkan bertujuan untuk memelihara atau memperjuangkan sesuatu matlamat atau isu yang mempunyai kepentingan dalam sesebuah masyarakat. NGO pada prinsipnya bertindak secara sukarela, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak dan tidak bermotifkan keuntungan atau tujuan politik. Oleh itu, jenis organisasi NGO ini disebut

sebagai *civil society organizations* – Pertubuhan Masyarakat Awam.

Manakala menurut perspektif Jabatan Kebajikan Masyarakat (Saliha Hassan 2000) NGO merujuk kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) bercorak kebajikan yang mengendalikan program dan menyediakan perkhidmatan untuk kumpulan sasaran.

Sehubungan dengan itu, terdapat 6 gabungan prinsip NGO yang boleh dikatakan unggul ialah (Shinichi, Kasian & Apichart 2004):

Non-government means that an NGO must carry out its decision-making as an organization independently of the government.

Non profit making means that its activities must not be driven by profit-making motives, and that whatever profits may arise from its activities must not be divided among its members for personal benefit.

Voluntary means that the only qualification for membership must be the desire of an individual to participate. Participation must not be conditional on belonging to some organization.

A solid and continuing form means that, unlike various forms of voluntary activities carried out on an ad-hoc basis, an NGO must be an ongoing entity with a solid organizational form

Altruistic means that the immediate purpose of an NGO is to act the benefit of others

Philanthropic refers to the fact that an NGO is unlikely to receive adequate payments from recipients of its service.

Kesimpulannya, NGO adalah badan bukan kerajaan atau organisasi swasta yang bertindak secara sukarela, tidak bermotifkan keuntungan atau tujuan politik. Ia ditubuhkan bagi memelihara atau memperjuangkan sesuatu matlamat yang mempunyai kepentingan dalam ses sebuah masyarakat atau lebih khusus NGO menjalankan kegiatan untuk pembangunan masyarakat. Sehubungan dengan itu terdapat beberapa NGO Islam yang berperanan besar dalam memahamkan masyarakat tentang politik yang sedia ada di Malaysia ini terutamanya Majlis Amal Islam Malaysia (MAIM), Nadwah Ulama dan Ilmuan Malaysia (NUIM) dan Majlis Wanita Islam YADIM (MAYA). Kesemua NGO ini diletakkan di bawah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) yang merupakan satu badan dakwah yang utama di Malaysia. NGO ini berperanan untuk menyatupadukan masyarakat majmuk di Malaysia ini yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

Kesedaran Masyarakat Terhadap Politik di Malaysia

Dari aspek politik, Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem demokrasi berpalimen. Melalui sistem ini, masyarakat akan memilih perwakilan melalui pilihan raya dan mereka ini akan berada di parlimen (Azali Atan 1986). Perwakilan ini merupakan agen penting bagi menyalurkan tuntutan dan permintaan rakyat kepada kerajaan. Oleh yang demikian, parti politik adalah elemen penting di dalam sistem demokrasi

berpalimen. Memetik kata Leon Epstein di dalam Tunku Mohar (2008):

A political party refers to any group, however loosely organized, seeking to elect governmental officeholders under a given label.

Manakala Huckshorn di dalam Malike Brahim (2012) pula mendefinisikan parti politik,

As an autonomous group of citizens having the purpose of making nominations and contesting elections in the hope of gaining control over governmental power through the capture of public offices and the organization of the government.

Politik juga merupakan cara atau proses membuat keputusan oleh sesuatu kumpulan. Oleh itu, konsep politik dapat dilihat daripada pelbagai sudut. Menurut Shamsul Amri (2012) menyatakan politik merupakan usaha yang dilakukan oleh warga negara bagi mencapai kebaikan bersama. Selain itu, politik turut berkait rapat dengan kaedah pemerintahan sesuatu negara atau sesebuah kerajaan. Namun begitu, politik ini bukan sahaja digunakan oleh kerajaan malah digunakan oleh syarikat, wilayah, korporat, akademik dan institusi-institusi yang lain.

Di Malaysia, parti politik merupakan organisasi yang berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). ROS berperanan untuk mengendalikan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan parti politik. Oleh yang demikian, parti-parti politik di Malaysia haruslah berdaftar dengan ROS dan tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966. Sekiranya sesebuah parti politik itu tidak berdaftar, ia dianggap tidak sah dan salah di sisi undang-undang (Malike Ibrahim 2012).

Menurut Mohd Foad Sakdan (1999) menyatakan bahawa Malaysia merupakan negara yang stabil dari segi politik, ia tidak pernah mengalami sebarang insiden perbalahan kaum yang serius kecuali pada tahun 1969, yang membawa Malaysia ke dalam lanskap politik yang berbeza. Pada tahun tersebut rusuhan kaum yang terburuk melanda negara dan ia merupakan titik permulaan kepada perubahan politik negara. Namun, mutakhir ini senario politik semasa turut berubah. Semenjak PRU 2008 dan 2018 senario politik menunjukkan perubahan dan ia dapat dilihat melalui pilihan raya yang diadakan pada tahun tersebut. Ini menunjukkan bahawa masyarakat mempunyai sentimen kepartian yang menyebabkan perpecahan antara kaum.

Kestabilan politik sesebuah negara itu merupakan jaminan kepada kehidupan masyarakat yang aman dan harmoni. Sebaliknya sekiranya politik sesebuah negara itu pincang maka ia pasti akan mengundang pelbagai masalah negatif dalam sesebuah negara seperti berlaku rusuhan, peperangan dan pepercahan dalam kalangan masyarakat. Bagi memastikan

kestabilan politik sesebuah negara dikekalkan ia bermula daripada masyarakat itu sendiri. Oleh yang demikian, kesedaran politik dalam kalangan masyarakat harus dibentuk bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang cintakan negara. Institusi agama atau badan dakwah dan NGO harus berperanan dalam memberikan kesedaran politik kepada masyarakat Malaysia.

Justeru itu, Badan Dakwah seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan NGO merupakan agen yang terbaik dalam membentuk serta melahirkan masyarakat yang mempunyai pendidikan serta pemahaman dalam diri mereka tentang pentingnya kesedaran politik. Oleh itu, institusi di atas perlu memainkan peranan yang amat penting dalam memberikan kesedaran serta pemahaman politik kepada masyarakat.

Peranan Badan Dakwah dan NGO dalam Memberi Kesedaran Politik kepada Masyarakat Malaysia

Badan Dakwah dan NGO merupakan antara organisasi yang ditubuhkan untuk memberi kesedaran politik kepada masyarakat ke arah membina kehidupan yang lebih baik berteraskan ajaran Islam. Selain itu, penubuhan badan dakwah atau institusi agama tersebut bermatlamat untuk membentuk masyarakat yang sentiasa taat kepada perintah Allah SWT dengan mengadakan seruan dakwah Islamiah kepada masyarakat Islam. Namun realiti kehidupan kini menunjukkan masyarakat di negara ini masih lagi kurang faham dengan sistem politik di Malaysia. Bahkan fenomena ini semakin berleluasa dan sangat membimbangkan kerana Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk.

Walaupun badan-badan dakwah telah wujud di seluruh negeri, tetapi masalah sosial kepartian dalam kalangan masyarakat Malaysia di negara ini membimbangkan. Mereka sangat memerlukan didikan dan kefahaman yang jelas secara berterusan dan bersistematik. Sebagai badan dakwah dan NGO Islam dan bukan Islam perlu berperanan dalam mengatur aktiviti dan program secara berkala untuk menjadikan masyarakat memahami dan menghayati politik agar dapat memperbaiki hubungan sesama agama dan bangsa ke arah yang aman dan harmoni. Oleh itu, terdapat beberapa peranan yang penting yang dimainkan oleh badan dakwah atau NGO dalam memberi kefahaman politik kepada masyarakat iaitu:

Pendidikan Politik

Menurut Sihabudin Zuhri (2010), pendidikan politik sangat penting dalam memupuk semangat cintakan negara dan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Pendidikan politik juga mampu menyuburkan jati diri dalam

masyarakat majmuk terutamanya golongan anak muda. Melalui pendidikan ini, anak muda juga diasuh menghargai apa sahaja yang mereka perolehi dalam negara ini sama ada nikmat keamanan serta kekayaan hasil bumi. Pelbagai kemewahan yang dikecapi oleh masyarakat hari ini sedikit sebanyak telah mengurangkan semangat patriotik. Selain itu, kurangnya pengetahuan sejarah dan juga merebaknya unsur-unsur budaya global merupakan salah satu pengaruh yang memberi kesan terhadap masyarakat kurang dalam ilmu politik.

Menyemai Adat Ketimuran dalam Kalangan Masyarakat

Pengaruh globalisasi atau pengaruh budaya barat yang kian membanjiri negara kita seperti hiburan, alat elektronik, kegiatan seni serta bahan bacaan dari luar negara juga serba sedikit telah menghapuskan nilai dan adat ketimuran dalam diri masyarakat. Hal ini telah menghakis sikap dan semangat patriotik serta mengurangkan nilai-nilai kemurniaan. Tindakan fahaman nasionalisme yang tinggi dan akhirnya mengakis kembali kesedaran politik dalam kalangan masyarakat. Oleh yang demikian menjadi tanggungjawab badan dakwah dan NGO dalam membentuk jati diri masyarakat terutamanya golongan anak muda kerana mereka merupakan pelapis masa depan negara (Mahmood Zuhdi 2006).

Mengadakan Kempen Cintakan Negara

Terdapat pelbagai cara yang boleh dilakukan oleh badan dakwah dan NGO dalam memupuk Kembali kesedaran politik dalam kalangan masyarakat dengan mengadakan kempen secara besar-besaran di seluruh negara bukan sahaja di kawasan bandar malah kawasan luar bandar serta pendalaman. Dalam perkara ini, para daie yang dilantik oleh NGO atau badan dakwah haruslah memainkan peranan dengan melakukan pelbagai aktiviti yang menarik minat para masyarakat untuk memahami politik di Malaysia. Malah NGO yang bukan Islam dengan Kerjasama perlu bekerjasama dengan membantu masyarakat setempat bagi menyemai semangat petrotik sambil memberikan pemahaman politik yang sebaiknya kepada masyarakat sekeliling (Abdul Ghani Samsudin 2002).

Memperbanyakkan Aktiviti-aktiviti Kemasyarakatan

Menurut Ahmad Faisal & Hamdiah Jalani (2010), badan-badan dakwah dan NGO di setiap negeri perlu memperbanyakkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Hal ini akan mengajar mereka bagaimana untuk hidup bertoleransi dalam masyarakat majmuk dan menghormati bangsa dan agama yang berada di Malaysia. Selain itu, setiap NGO juga harus menegur sebarang kesilapan serta memperbetulkan sikap prejedis dan etnosentrik yang ada dalam diri masyarakat majmuk terhadap bangsa atau

kaum yang lain. Panglibatan aktiviti pelbagai kaum antara Islam, Cina dan India ini pasti akan menyemarakkan lagi semangat cintakan negara. Walaubagaimanapun, aktiviti kemasyarakatan harus dididik untuk bergaul mesra bukan sahaja dengan bangsa Melayu, malah dengan bangsa dan kaum yang lain.

Seperti yang diketahui, golongan muda lebih berfikiran terbuka. Mereka juga menginterpretasikan idea-idea mereka tentang politik dan demokrasi dengan lebih meluas (Basri Ibrahim 2011). Badan Dakwah dan NGO haruslah sentiasa bertukar pendapat serta pengetahuan dan sering berinteraksi dalam membahaskan isu-isu yang berkaitan bidang politik terutamanya tentang isu-isu semasa. Tambahan pula, golongan muda khususnya remaja lebih mempercayai norma-norma politik daripada golongan masyarakat serta generasi yang lebih tua. Mereka ini menerima pandangan politik tanpa memikirkan apakah pandangan mereka benar mahupun terdapat unsur-unsur prejedis atau sikap berat sebelah dalam memberikan pandangan.

Di sinilah badan dakwah dan NGO memainkan peranan dalam memperbetulkan kembali fahaman mereka tentang politik. Mereka seharusnya memerdebatkan masalah ini secara terbuka dengan masyarakat terutama golongan muda agar unsur prejedis dalam diri mereka dapat dihakis. Namun begitu, badan dakwah dan NGO harus seimbang dalam membicarakan isu-isu politik dan tidak harus menjurus ke arah mana-mana parti politik atau memihak kepada mana-mana parti dalam membincangkan isu-isu sensitif yang berlaku di negara. Sekiranya terdapat permasalahan isu antara kaum ianya perlu diselesaikan secara akademik yang dapat menjernihkan isu tersebut daripada memiliki fahaman yang salah terhadap sesuatu isu terutamanya isu perkauman yang sering terjadi sejak kebelakangan ini. Hal ini dapat mengelakkan berlakunya sikap prejedis terhadap pelbagai kaum yang lain seterusnya dapat meredakan perpecahan antara kaum terhadap masyarakat (Mohd Nor Manuty 2011).

Mewujudkan Kesatuan Ummah

Menurut Yusri Mohamad (2010), cabaran besar hari ini adalah perpecahan dan persengketaan sesama umat Islam. Perpecahan yang ketara ialah perpecahan disebabkan politik. Perpecahan ini mempengaruhi fungsi ilmu di masjid dan masyarakat. Makin merungsingkan apabila sesetengah masyarakat taasub kepartian, sesuatu yang datang dari Allah SWT dan Nabi SAW turut dikatakan fakta yang bersifat politik. Sehubungan itu, badan dakwah seperti JAKIM, YADIM, Jabatan Agama Islam Negeri, badan-badan NGO Islam dan bukan Islam perlu mendidik masyarakat sebagaimana berhadapan dengan pendapat yang berbeza.

Perpecahan yang menular memberi kesempatan kepada sebahagian parti dan masyarakat mengambil kesempatan. Institusi Agama dan NGO

perlu menjadi agensi *controlled* dan melaksanakan dasar semasa agensi dalam pelbagai perkara yang mengangkat soal keilmuan, Kemasyarakatan, dakwah dan *good governance*. Antara agensi yang boleh dilihat berperanan dalam menanamkan semangat perpaduan antara kaum seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Yayasan Pembangunan Islam Malaysia (YaPIEM), manakala NGO terdiri daripada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), *Malaysia Chinese Muslim Association*(MACMA), Persatuan India Muslim Malaysia (PIMM) dan lain-lain (Mohd Hamdan Adnan 2008).

Aktiviti-aktiviti kepada penyatuhan politik dalam kalangan masyarakat perlu dipelbagaikan dengan akar tunjang yang jelas berkaitan dengan elemen-elemen kesedaran politik, seperti berlapang dada dan bersangka baik terhadap sesuatu bangsa dan kaum. Institusi masjid yang kukuh dan dihormati pasti padu dalam menggerakkan agenda Islam dan perpaduan. Ini boleh menarik minat kepada paparan teladan yang baik kepada keseluruhan komuniti Islam dan bukan Islam. Akhirnya hubungan antara agama dan bangsa akan menjadi baik dan ketika itu dakwah sedang berjalan, dapat dijalankan dan diperkasakan (Makmor Tumin 1998).

Berdasarkan peranan yang telah dimainkan oleh badan dakwah dan NGO menunjukkan usaha yang baik dengan mewujudkan jaringan NGO yang bukan Islam bersama komuniti atau masyarakat awam. Apa yang diharapkan ialah hubungan NGO Islam, bukan Islam dan Badan Dakwah dengan ejen pelaksana kerajaan adalah saling memerlukan untuk sama-sama bergerak menjalankan fungsi dan amanah yang dipertanggungjawabkan dalam memberi fahaman dan kesedaran politik kepada semua golongan masyarakat.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa badan dakwah dan NGO Islam dan Bukan Islam turut memainkan peranan mereka dalam menanam kesedaran politik dalam kalangan masyarakat Malaysia. Semua aktiviti pelaksanaan terhadap kesedaran politik yang diusahakan oleh badan dakwah dan NGO adalah dalam bentuk ‘*amal jamaiyy*’ kerana NGO dan badan dakwah khusus yang Islam, ia bergerak secara berterusan dan didukung atas rasa amal bakti kerana Allah SWT untuk mewujudkan kesedaran politik terhadap masyarakat sekitar. Adalah sangat penting kumpulan pemangkin majoriti dapat mempengaruhi minoriti sebagai *multiplier effect* dalam mewujudkan perubahan sosiobudaya dalam kalangan masyarakat untuk menuju ke arah perubahan sosiopolitik. Kepelbagaian dan kemajmukan yang dimiliki oleh Malaysia adalah keunikan hidup secara aman dan harmoni. Lantaran Islam menggariskan hak-hak kebebasan berpolitik dan menghormati perbezaan pendapat.

Namun nilai-nilai murni universal seperti akhlak dan moral, adat dan norma hidup yang harmoni perlu dipertahankan dan dipelihara menjadi salah satu isu dalam aktiviti badan dakwah dan NGO.

Namun begitu, tugas ini bukan sahaja dipikul oleh Badan Dakwah dan NGO, sebaliknya semua masyarakat harus berganding bahu dalam memberikan pemahaman serta kesedaran politik dalam jiwa anak-anak muda masa kini. Sekiranya kita ambil mudah perkara ini, kelak ia akan membawa kesan negatif kepada negara antaranya sifat cintakan negara akan terhakis, perbalahan antara kaum akan terjadi dengan serius dan kadar jenayah yang tinggi dan sebagainya. Oleh yang demikian, sebagai masyarakat, kita haruslah mengetahui serta mempunyai kesedaran politik agar negara aman dan harmoni.

Rujukan

- Abdul Ghani Samsudin. 2002. *Dakwah Islamiah dan Cabaran Alaf Baru*. Kertas kerja dibentang dalam Ijtimu'Ulama Negeri Pahang anjuran Persatuan Ulama Malaysia. Cawangan Pahangdi Hotel Seri Malaysia. Temerloh. Pahang.
- Ahmad Faisal Abdul Hamid & Hamidah Jalani. 2010. *Beberapa Pandangan Mengenai Islam dari Perspektif Parti Politik Melayu*. Jurnal Tamadun
- Ahmad Nadzamuddin, Wan Idris, Mohd Mahadi. 2009. *Kamus Sains Politik Pentadbiran Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azali Atan. 1986. Islam, Politik dan Pentadbiran: Satu Tinjauan Mengenai Proses Penerapan Nilai-nilai Islam di Malaysia. Latihan Ilmiah. Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. UKM.
- Basri bin Ibrahim. 2011. *Perayaan Bukan Islam dalam Sebuah Negara Islam*. Dlm. Abdul Karim Ali. *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia*. Shah Alam. Imtiyaz Multimedia & Publications
- Hassan Mohd Noor. 2008. *Thunami Politik 2008*. Mingguan Malaysia.
- Mahmod Zuhdi Ab. Majid. 2006. *Pengaruh Timbal Balik antara Hukum dan Budaya dalam Syariat Islam*. Dlm. Md. Saleh Ahmad (et.al) Hukum Islam dan Budaya Tempatan. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul: Universiti Malaya.
- Makmor Tumin. 1998. *NGO Dalam Sistem Demokrasi Malaysia*. Massa, 16 Mei.
- Mohd Nor Manutty. 2011. *Islam dan Toleransi Budaya dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia*: Abdul Karim Ali & Ruzaimi Ahmad (Ed). *Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia*. Shah Alam. Imtiyaz Multimedia & Publications.
- Mohd Hamdan Adnan. 2008. *Perkembangan Perhubungan Awam Kerajaan dan Politik Malaysia*. Shah Alam: Univeriti Teknologi

- Mara.
- Saliha Hassan. 1991. *Organisasi Bukan Kerajaan dalam Politik Malaysia*, Dlm. Hairany Naffis. Politik Malaysia Dekad 1990-an. Prosiding Seminar Politik Malaysia ke-IV. Bangi: Jabatan Sains Politik, UKM.
- Saliha Hassan. 2000. NGO, *Masyarakat Sivil dan Demokrasi*. Dlm. Abdul Rahman Embong. *Negara, Pasaran dan Pemodenan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Shinichi, Kasian & Apichart. 2004. *The NGO Way: Perspectives and Experiences From Thailand*. Japan: Chiba.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2012. Malaysia: *Kesepadan dalam Kepelbagaiannya*. In Shamsul Amri Baharuddin (Penyunting), *Modul Hubungan Etnik*, Bangi. Institut Kajian Etnik. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Malike Brahim. 2012. *Sistem Demokrasi Berpalimen di Malaysia*. Petaling Jaya: IBS Buku.
- Mohd Foad Sakdan. 1999. *Pengetahuan Asas Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusri Mohamad Ramli. 2010. *Dakwah Kepada Non Muslim: Pemerkasaan Strategik Menghadapi Tantangan Kontemporari*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan Malaysia-Indonesia di Alauddin Makassar, Indonesia

Peranan Gerakan Islam dalam Pentadbiran Negara

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar
Menteri Besar Terengganu

Pendahuluan

